PRULink Managed Plus Fund

All data is as of 31 August 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年8月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Ogos 2026 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Objective / 目标 / *Objektif Dana*

PRULink Managed Plus Fund ("the Fund") aims to maximize long-term returns through investing into a portfolio of domestic and foreign assets including equities, equity-related securities, fixed income securities, deposits, currencies, derivatives or any other financial instruments directly, and/or indirectly through the use of any funds such as investment-linked funds set up by us, collective investment schemes and/or exchange traded funds.

PRULink Managed Plus基金（"本基金"）旨在透过直接和/或间接使用由我们设立的投资连结基金、集体投资计划和/或交易所交易基金等任何基金，投资於包含股票、股票相关证券、固定收入证券、存款、货币、衍生工具或任何其他金融工具的国内外资产组合，以最大化长期收益。

PRULink Managed Plus Fund *("Dana") bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang dengan melabur dalam portfolio aset-aset domestic dan asing termasuk ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti, securiti-securiti pendapatan tetap, deposit, mata wang, derivatif atau mana-mana instrumen kewangan yang lain secara langsung, dan/atau tidak langsung menerusi penggunaan mana-mana dana seperti dana-dana berkaitan pelaburan yang kami tubuhkan, skim pelaburan kolektif dan/atau pertukaran dana yang diniagakan.*

Fund Details / 基金详情 / *Maklumat Terperinci Dana*

Investment Manager / 投资经理 / *Pengurus Pelaburan*	Eastspring Investments Berhad 瀚亚投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / *Tarikh Diterbitkan*	17/10/2020
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / *Saiz Dana Terkini*	RM188,333,848.10
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / *Caj Pengurusan Dana Tahunan*	1.30% p.a.
Current NAV / 目前的净资产值 / *NAB Terkini*	RM0.62877

How the Fund has performed / 基金表现 / *Prestasi Dana*

Performance Graph / 表现图表 / *Jaduan Prestasi Dana*

PRULink Managed Plus Fund vs 40% FTSE-Bursa Malaysia Top 100 Index + 20% MSCI ACWI + 40% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate



Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / *Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut*

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / *Pergerakan Harga*	0.82%	1.28%	2.51%	7.78%	24.42%	21.41%	25.75%
Benchmark / 基准指标 / *Penanda Aras*	0.52%	1.00%	2.44%	9.40%	23.43%	19.84%	26.49%
Outperformance / 表现对比 / *Perbezaan Prestasi*	0.30%	0.28%	0.07%	-1.62%	0.99%	1.57%	-0.74%

Source / 资料来源 / *Sumber*: Lipper Investment Management and Bloomberg, 31 August 2026

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / *Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari* www.bursamalaysia.com/market, www.msci.com and www.maybank2u.com.my

Where the Fund invests
基金投资所在
Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation
资产配置 / *Peruntukan Aset*

		% NAV
1	PRULink Golden Bond Fund	37.58
2	PRULink Global Strategic Fund (Hedging)	22.67
3	PRULink Strategic Fund II-MYR	22.35
4	PRULink Strategic Fund	17.13
5	Cash, Deposits & Others	0.27

PRULink Global Strategic Fund (with Hedging)
Top 5 Holdings / 5大持股
5 Pegangan Teratas

		%
1	Eastspring Inv World Value Equity	16.80
2	Eastspring Inv Gl Dyn Growth Eq Fd	10.90
3	Xtrackers Msci Usa Swap Ucits	9.70
4	Jpm Lq Fd Usd Lvnav - Select (dist	7.90
5	Ishares Msci Usa Ucits Etf Usd (Acc)	5.30

PRULink Strategic Fund
Top 5 Holdings / 5大持股
5 Pegangan Teratas

		%
1	Cimb Group Holdings Bhd	9.04
2	Tenaga Nasional Bhd	8.86
3	Malayan Banking Bhd	8.31
4	Public Bank Bhd	6.61
5	Gamuda Bhd	4.29

PRULink Golden Bond Fund
Top 5 Holdings / 5大持股
5 Pegangan Teratas

		%
1	Moneymax Treasure Sdn Bhd	3.59
2	Malaysia Government Securities	3.20
3	Government Investment Issues	2.81
4	Malayan Banking Bhd	2.72
5	Ambank Islamic Bhd	2.43

PRULink Managed Plus Fund

All data is as of 31 August 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年8月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Ogos 2026 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Monthly Update / 每月简报 / *Peningkatan Bulanan*

Market Review / 市场回顾 / *Tinjauan Bulanan*

Global Equities/ 全球股市 / *Ekuiti Global*

Global equities rose 2.7% in August as risk appetite strengthened amid resilient corporate earnings , moderating price pressures, and persistent geopolitical tensions. The market backdrop was shaped by renewed diplomatic deadlock in the Gulf and continued disruptions across key shipping routes, including the Red Sea and the Strait of Hormuz, which kept oil prices elevated for much of the month despite a late pullback (Brent crude declined to USD88.37 per barrel). At the same time, investors weighed the impact of ongoing US tariff actions and trade -policy uncertainty, as tariffs remained in force across a broad set of trading partners , complicating the inflation outlook and reinforcing volatility in global commodity markets.

US equities outperformed global peers, with the MSCI USA Index rising 2.8% as investors rotated back into high-duration growth names following softer-than-expected inflation data and renewed optimism in the technology and Artificial intelligence (AI) sectors. European equities were broadly positive, with the MSCI Europe Index rising 1.4% as improved energy supply conditions and moderating price pressures offset lingering fiscal strains and heightened policy sensitivity .

The MSCI Emerging Markets (EM) Index gained 3.4%, as risk appetite improved amid a rebound in technology shares and easing geopolitical tensions. The rally was led by Taiwan (MSCI Taiwan +6.4%) and South Korea (MSCI Korea +5.9%), which were strong standouts. Chinese equities were marginally lower, with the MSCI China Index declining 0.3% in August as the policy stance remained steady and domestic demand signals showed only tentative improvement .

The US Treasury yield curve bear-flattened during the month, characterized by rising short-end yields, driven in part by a hawkish speech from Federal Reserve Chair Kevin Warsh. The shorter end of the curve moved higher, with the 3-month yield rising 8bps and the 2-year yield up 6bps, while the 10-year yield was relatively unchanged and the 30-year yield declined 2bps. The Bloomberg Global Aggregate Index (0.45%) and the Bloomberg US Aggregate Index (0.39%) posted positive returns. US credit markets also rose higher as the ICE BofA U.S. Corporate Index rose 0.4%, while high yield performed better, with the ICE U.S. High Yield Index up by 1.0%. Emerging market sovereign debt, as represented by the J.P. Morgan EMBI Global Diversified Index, posted a 0.9% gain, as both investment grade and high yield issuers outperformed.

8月份全球股市上涨2.7%，风险偏好在企业盈利表现稳健、价格压力有所缓解以及地缘政治紧张局势持续的背景下增强。海湾地区外交僵局重现，加上红海和霍尔木兹海峡等关键航运路线持续受阻，使油价在月内大部分时间维持高位，尽管月底有所回落（布伦特原油价格降至每桶88.37美元）。与此同时，投资者也在评估美国持续实施的关税措施及贸易政策不确定性带来的影响；由于针对众多贸易伙伴的关税仍然生效，通胀前景变得更加复杂，并加剧了全球大宗商品市场的波动。

美股表现优于全球其他主要市场，MSCI美国指数上涨2.8%；此前公布的通胀数据低于预期，加上科技与人工智能（AI）板块乐观情绪重燃，促使投资者重新转向高久期成长型股票。欧洲股市整体表现向好，MSCI欧洲指数上涨1.4%；能源供应状况改善及价格压力缓解，抵消了持续存在的财政压力以及市场对政策变动的高度敏感性。

MSCI新兴市场（EM）指数上涨3.4%，主要受科技股反弹及地缘政治紧张局势缓和推动，市场风险偏好有所改善。台湾和韩国市场领涨，表现尤为突出；MSCI台湾指数上涨6.4%，MSCI韩国指数走高5.9%。相比之下，中国股市微跌，MSCI中国指数在8月份下跌0.3%；期间政策立场保持平稳，而内需信号仅显示出初步改善迹象。

检讨月份下，美国国债收益率曲线熊市趋平，即短端收益率上升，这在一定程度上是受到美联储主席凯文·沃什鹰派言论的推动。收益率曲线短端上行，其中3个月期国债收益率上升8个基点，2年期国债收益率上升6个基点；与此同时，10年期国债收益率基本持平，30年期国债收益率则下降2个基点。彭博全球综合债券指数（Bloomberg Global Aggregate Index）上涨0.45%，以及彭博美国综合债券指数（Bloomberg US Aggregate Index）上升0.39%，均录得正回报。美国信贷市场也走高，ICE美银美国公司债指数（ICE BofA U.S. Corporate Index）上涨0.4%；高收益债券表现更为强劲，ICE美国高收益债券指数（ICE U.S. High Yield Index）上涨1.0%。以摩根大通新兴市场债券全球多元化指数（J.P. Morgan EMBI Global Diversified Index）为代表的新兴市场主权债录得0.9%的涨幅，投资级和高收益级发行人的表现均较为出色。

Ekuiti global meningkat 2.7% pada bulan Ogos, apabila selera risiko menajam di tengah-tengah prestasi pendapatan korporat yang berdaya tahan, tekanan harga yang semakin reda, dan ketegangan geopolitik yang berterusan. Latar belakang pasaran dipengaruhi oleh kebuntuan diplomatik yang berlaku sekali lagi di rantau Teluk serta gangguan berterusan di laluan perkapalan utama, termasuk Laut Merah dan Selat Hormuz, yang mengekalkan harga minyak pada paras tinggi hampir sepanjang bulan tersebut walaupun kemudiannya menyusut pada penghujung bulan (minyak mentah Brent turun kepada USD88.37 setong). Pada masa yang sama, para pelabur mempertimbang kesan tindakan tarif AS yang sedang dilaksanakan dan ketidakpastian dasar perdagangan, memandangkan tarif ke atas sebilangan besar rakan dagang masih dikuatkuasakan; keadaan ini merumitkan prospek inflasi dan meningkatkan ketidaktentuan dalam pasaran komoditi global.

Ekuiti AS mencatatkan prestasi lebih baik berbanding pasaran global lain, dengan Indeks MSCI USA meningkat 2.8% apabila pelabur kembali beralih arah kepada saham pertumbuhan berdurasi tinggi susulan data inflasi yang lebih rendah daripada jangkaan serta keyakinan baharu dalam sektor teknologi dan kecerdasan buatan (AI). Ekuiti Eropah secara umumnya menunjukkan prestasi positif, dengan Indeks MSCI Europe meningkat 1.4% apabila keadaan bekalan tenaga yang bertambah baik dan tekanan harga yang reda berjaya mengimbangi tekanan fiskal yang masih berlegar-legar serta sensitiviti dasar yang meningkat.

Indeks MSCI Emerging Markets (EM) mencatatkan kenaikan 3.4% apabila selera risiko menajam susulan pemulihan saham teknologi dan ketegangan geopolitik yang semakin reda. Kenaikan ini dipacu oleh Taiwan (MSCI Taiwan +6.4%) dan Korea Selatan (MSCI Korea +5.9%), yang menunjukkan prestasi sangat memberangsangkan. Ekuiti China mencatatkan penurunan kecil, dengan Indeks MSCI China susut 0.3% pada bulan Ogos memandangkan pendirian dasar belum berubah dan isyarat permintaan domestik hanya menunjukkan tanda-tanda penambahbaikan sementara.

Keluk hasil Perbendaharaan AS mengalami corak 'bear-flattening' (mendatar dengan kenaikan kadar jangka pendek) pada bulan ini, yang dicirikan oleh peningkatan hasil bon jangka pendek; keadaan ini sebahagiannya didorong oleh ucapan bernada tegas daripada Pengerusi Rizab Persekutuan, Kevin Warsh. Hasil bon jangka pendek meningkat, dengan hasil bon 3 bulan naik 8 mata asas dan hasil bon 2 tahun naik 6 mata asas, manakala hasil bon 10 tahun hampir tidak berubah dan hasil bon 30 tahun turun sebanyak 2 mata asas. Indeks Bloomberg Global Aggregate (0.45%) dan Indeks Bloomberg US Aggregate (0.39%) masing-masing mencatatkan pulangan positif. Pasaran kredit AS turut mencatatkan peningkatan apabila Indeks ICE BofA U.S. Corporate naik 0.4%, manakala segmen hasil tinggi menunjukkan prestasi lebih baik, dengan Indeks ICE U.S. High Yield menokok 1.0%. Hutang negara pasaran sedang pesat membangun, sebagaimana yang diwakili oleh Indeks J.P. Morgan EMBI Global Diversified, mencatatkan keuntungan 0.9% berikutan prestasi cemerlang penerbit sekuriti bertaraf pelaburan dan penerbit berhasil tinggi.

Malaysia Equities/ 大马股市 / *Ekuiti Malaysia*

Malaysia's political landscape remained fluid in August, as Prime Minister Anwar Ibrahim's administration faced electoral setbacks, coalition tensions, and intensifying political competition. Pakatan Harapan's weaker-than-expected performance in the Negeri Sembilan state election underscored Barisan Nasional's growing influence within the unity government, while the resignation of another PKR MP highlighted lingering internal divisions . Nevertheless, coalition stability improved after the Democratic Action Party voted overwhelmingly to remain in government , reducing the immediate risk of a political rupture. Market concerns over a near-term snap election also eased amid growing expectations that the next general election could be deferred to 2H27. In a move widely viewed as politically supportive ahead of the next election cycle, Prime Minister Anwar announced on 30 August that subsidised fuel quotas would be restored to previous levels from 1 September, with petrol quotas increased to 300 litres per month from 200 litres, and diesel quotas raised to 400 litres from 300 litres.

PRULink Managed Plus Fund

All data is as of 31 August 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年8月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Ogos 2026 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

On the economic front, Malaysia's 2Q26 GDP expanded by 6.0% YoY, surpassing both the advance estimate and market expectations. Growth was broad-based across key sectors, led by manufacturing (+7.3%), mining (+9.2%), construction (+6.5%), and services (+5.9%). The stronger-than-expected outcome was driven by robust exports linked to the AI-related technology upcycle and resilient domestic demand.

The FBMKLCI Index closed the month at 1,725.88, almost flat at +0.06% MoM. The FBM Small Cap Index rose by 2.62%, outperforming the FBMKLCI Index.

8月份，马来西亚政局持续变化，首相安华领导的政府面临选举受挫、执政联盟内部关系紧张以及政治竞争加剧等多重挑战。希盟（Pakatan Harapan）在森美兰州选举中的表现不及预期，凸显国阵（Barisan Nasional）在团结政府中的影响力日益增强；与此同时，另一名人民公正党（PKR）国会议员辞职，也反映出党内持续存在的分歧。尽管如此，随着民主行动党（DAP）以压倒性多数投票决定继续留在政府内，执政联盟的稳定性有所改善，从而降低了近期政局破裂的风险。市场对近期可能举行闪电大选的担忧也有所缓解，因市场日益预期下一届全国大选可能推迟至2027年下半年举行。在一项被广泛视为具有政治支持作用的措施中，安华于8月30日宣布，自9月1日起将燃油补贴配额恢复至此前水平，其中汽油月度配额从200升提高至300升，柴油月度配额则从300升提高至400升。

在经济方面，马来西亚2026年第二季度国内生产总值（GDP）按年增长6.0%，高于初步预估值及市场预期。各主要行业均实现广泛增长，其中制造业（+7.3%）、采矿业（+9.2%）、建筑业（+6.5%）和服务业（+5.9%）皆表现强劲。此次超出预期的增长主要得益于人工智能（AI）相关技术周期带动的强劲出口，以及具韧性的内需。

富时隆综指月末收于1,725.88点，按月基本持平，微升0.06%。富时大马小型股指数上涨2.62%，表现优于富时隆综指。

Landskap politik Malaysia masih belum menentu pada bulan Ogos apabila pentadbiran Perdana Menteri Anwar Ibrahim berdepan dengan kemerosotan prestasi dalam pilihan raya, ketegangan dalaman pakatan, serta persaingan politik yang semakin sengit. Prestasi Pakatan Harapan yang lebih lemah daripada jangkaan dalam pilihan raya negeri Negeri Sembilan menyerlahkan pengaruh Barisan Nasional yang semakin teguh merentasi kerajaan perpaduan, manakala peletakan jawatan seorang lagi Ahli Parlimen PKR mencerminkan perpecahan dalaman yang masih berlarutan. Namun begitu, kestabilan pakatan bertambah baik selepas Parti Tindakan Demokratik (DAP) membuat keputusan dengan sokongan majoriti besar untuk kekal dalam kerajaan, sekali gus mengurangkan risiko berlakunya perpecahan politik serta-merta. Kebimbangan pasaran mengenai kemungkinan pilihan raya dalam masa terdekat turut reda susulan jangkaan yang semakin besar bahawa pilihan raya umum yang akan datang mungkin ditangguhkan sehingga 2H27. Dalam satu langkah yang rata-rata dilihat sebagai usaha meraih sokongan politik menjelang kitaran pilihan raya nanti, Perdana Menteri Anwar mengumumkan pada 30 Ogos bahawa kuota bahan api bersubsidi akan dikembalikan ke tahap asal mulai 1 September, dengan kuota petrol dinaikkan kepada 300 liter sebulan berbanding 200 liter, manakala kuota diesel ditingkatkan kepada 400 liter berbanding 300 liter.

Dari segi ekonomi, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi 2Q26 berkembang sebanyak 6.0% tahun ke tahun, mengatasi kedua-dua anggaran awal dan jangkaan pasaran. Pengembangan ini menyeluruh dalam sektor-sektor utama, diterajui oleh sektor pembuatan (+7.3%), perlombongan (+9.2%), pembinaan (+6.5%) dan perkhidmatan (+5.9%). Prestasi yang lebih kukuh daripada jangkaan ini didorong oleh ketegapan eksport terkait teknologi AI kitar tinggi dan daya tahan permintaan dalam negeri.

Indeks FBMKLCI ditutup pada paras 1,725.88, hampir mendatar dengan kenaikan +0.06% MoM. Indeks FBM Small Cap menokok 2.62%, mengatasi prestasi Indeks FBMKLCI.

Malaysia Fixed Income/ 大马固定收入 / *Pendapatan Tetap Malaysia*

The Federal Funds rate range stood at 3.50% to 3.75% in August 2026. The US economy added 162,000 jobs in August 2026, significantly exceeding market expectations of 56,000 and following an upwardly revised increase of 23,000 jobs in July. The unemployment rate remained unchanged at 4.1% (Jul: 4.1%). Inflation pressure persisted, with the headline PCE Price Index holding steady at 3.7% YoY in July (Jun: 3.7%), while the core PCE Price Index remained elevated at 3.3% (Jun: 3.3%), well above the Federal Reserve's 2% target. In August 2026, the Federal Reserve also announced that it would at least double the size of its long-dated bond buyback programme, raising the cap from USD2bn to a minimum of USD4bn per operation to improve market liquidity and ease broader borrowing costs. Consumer sentiment weakened, with the University of Michigan Consumer Sentiment Index declined to 51.7 in August from 55.2 in July, reflecting ongoing cost-of-living pressures and heightened geopolitical concerns stemming from the conflict in the Middle East. Meanwhile, business activity remained resilient. The Manufacturing PMI eased to 54.6 (Jul: 55.6) but continued to indicate expansion in the manufacturing sector, while the Service PMI rose to 55.4 (Jul: 54.1), signalling stronger growth in services activity.

In July, both headline and core inflation eased to 1.8% (Jun: 1.9%), mainly due to slower increases in retail fuel prices. The unemployment rate remained stable at 3.0% in June (May: 3.0%). BNM's international reserves amounted to USD 132.0bn as of 31 August 2026 (31 July 2026: USD132.1bn), sufficient to finance 4.7 months of retained imports and cover 0.9x of short-term external debt. Meanwhile, the Ringgit appreciated by 1.5% MoM against the USD to 4.025 at end-August (end-July: 4.086), supported by resilient domestic economic growth and a weaker USd.

In August, Malaysia's MGS and GII yields edged higher, increasing between 3bps and 23bps as investors remained cautious amid mixed domestic data and continued uncertainty surrounding the global interest rate outlook. Foreign investors turned net buyers during the month, recording substantial net inflows of RM15.9bn (July: RM5.6bn net outflow), which brought YTD net inflows to RM19.3bn. Meanwhile, the 10-yr UST yield was unchanged at 4.75% (Jul: 4.75%). Investors remained cautious as they monitored key U.S. economic data releases and signals from Federal Reserve policymakers for indications on the future path of monetary policy.

2026年8月，联邦基金利率目标区间维持在3.50%至3.75%。美国经济于2026年8月新增非农就业岗位16.2万个，远超市场预期的5.6万个；此前7月的新增就业岗位数据也上修至2.3万个。失业率维持在4.1%不变（7月：4.1%）。通胀压力持续存在。7月整体个人消费支出（PCE）物价指数按年维持在3.7%（6月：3.7%），核心PCE物价指数则维持在3.3%的高位（6月：3.3%），明显高于美联储2%的通胀目标。2026年8月，美联储还宣布，至少将长期债券回购操作单次规模上限从20亿美元提升至至少40亿美元，翻倍扩大，以改善市场流动性并降低整体借贷成本。消费者信心有所减弱，密歇根大学消费者信心指数从7月的55.2降至8月的51.7，反映出持续的生活成本压力，以及中东冲突引发的地缘政治忧虑加剧。与此同时，商业活动依然保持韧性。制造业采购经理人指数（PMI）从7月的55.6小幅回落至54.6，但仍显示制造业处于扩张区间；服务业PMI则从7月的54.1升至55.4，表明服务业活动增长势头增强。

7月份，总体和核心通胀率均放缓至1.8%（6月：1.9%），主要由于零售燃油价格涨幅放缓。6月份失业率维持在3.0%不变（5月：3.0%）。截至2026年8月31日，马来西亚国家银行（BNM）的国际储备总额为1,320亿美元（2026年7月31日：1,321亿美元），足以支付4.7个月的保留进口，并覆盖短期外债的0.9倍。与此同时，在国内经济增长保持韧性及美元走弱的支持下，令吉兑美元在8月底按月升值1.5%，至4.025（7月底：4.086）。

PRULink Managed Plus Fund

All data is as of 31 August 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年8月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Ogos 2026 melainkan jika dinyatakan

8月份，马来西亚政府债券（MGS）和政府投资票据（GII）的收益率小幅走高，升幅介于3至23个基点之间，主要由于国内经济数据表现不一，加上全球利率前景持续存在不确定性，投资者因而保持谨慎。当月，外国投资者转为净买入，录得159亿令吉的显著净流入（7月：56亿令吉净流出），使年初至今的净流入总额达到193亿令吉。与此同时，10年期美国国债收益率持平于4.75%（7月：4.75%）。投资者持续关注美国关键经济数据发布以及美联储决策者释放的政策信号，以寻找有关未来货币政策走向的线索，因此仍保持谨慎。

Julat kadar Dana Persekutuan berada pada paras 3.50% hingga 3.75% pada Ogos 2026. Ekonomi AS menambah 162,000 peluang pekerjaan pada Ogos 2026, jauh melebihi jangkaan pasaran sebanyak 56,000 dan menyusul peningkatan 23,000 peluang pekerjaan pada bulan Julai (angka yang telah disemak menaik). Kadar pengangguran tidak berubah pada paras 4.1% (Julai: 4.1%). Tekanan inflasi berterusan, dengan Indeks Harga PCE keseluruhan stabil di paras 3.7% YoY pada bulan Julai (Jun: 3.7%), manakala Indeks Harga PCE teras kekal tinggi di paras 3.3% (Jun: 3.3%), jauh melebihi sasaran 2% yang ditetapkan oleh Rizab Persekutuan. Pada Ogos 2026, Rizab Persekutuan juga mengumumkan bahawa ia akan sekurang-kurangnya menggandakan saiz program pembelian semula bon jangka panjang, dengan menaikkan had maksimum daripada USD2 bilion seminimum USD4 bilion bagi setiap operasi untuk meningkatkan kecairan pasaran dan mengurangkan kos pinjaman lebih luas. Sentimen pengguna menjadi lemah, dengan Indeks Sentimen Pengguna Universiti Michigan merosot kepada 51.7 pada bulan Ogos daripada 55.2 pada bulan Julai, mencerminkan kos sara hidup yang terus menekan dan kebimbangan geopolitik yang meningkat akibat konflik di Timur Tengah. Sementara itu, aktiviti perniagaan tetap mampan. PMI Pembuatan menyederhana kepada 54.6 (Julai: 55.6) namun terus menunjukkan pengembangan dalam sektor pembuatan, manakala PMI Perkhidmatan meningkat kepada 55.4 (Julai: 54.1), menandakan pertumbuhan aktiviti perkhidmatan yang lebih kukuh.

Pada bulan Julai, inflasi keseluruhan dan inflasi teras menyederhana kepada 1.8% (Jun: 1.9%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan harga runcit bahan api yang lebih perlahan. Kadar pengangguran kekal stabil pada paras 3.0% pada bulan Jun (Mei: 3.0%). Rizab antarabangsa BNM berjumlah USD132.0 bilion setakat 31 Ogos 2026 (31 Julai 2026: USD132.1 bilion), mencukupi untuk membiayai 4.7 bulan import terkumpul dan meliputi 0.9 kali ganda hutang luar negeri jangka pendek. Sementara itu, nilai Ringgit meningkat sebanyak 1.5% MoM berbanding dolar AS kepada 4.025 pada akhir bulan Ogos (akhir bulan Julai: 4.086), disokong oleh pertumbuhan ekonomi domestik yang berdaya tahan dan dolar AS yang lebih lemah.

Pada bulan Ogos, hasil MGS dan GII Malaysia meningkat sedikit, dengan kenaikan antara 3 hingga 23 mata asas apabila pelabur terus berhati-hati berikutan data domestik yang bercampur-campur seiring ketidakpastian berterusan mengenai prospek kadar faedah global. Pelabur asing menjadi pembeli bersih pada bulan tinjauan, mencatatkan aliran masuk bersih yang besar bernilai RM15.9 bilion (Julai: aliran keluar bersih RM5.6 bilion), sekali gus menjadikan jumlah aliran masuk bersih dari awal tahun hingga kini (YTD) sebanyak RM19.3 bilion. Sementara itu, hasil UST 10 tahun kekal pada paras 4.75% (Julai: 4.75%). Pelabur terus berhati-hati sambil memantau pengumuman data ekonomi utama AS dan isyarat daripada penggubal dasar Rizab Persekutuan bagi mendapatkan petunjuk mengenai hala tuju dasar monetari pada masa hadapan.

Market Outlook / 市场展望 / *Gambaran Bulanan*

Global Equities/ 全球股市 / *Ekuiti Global*

The macroeconomic backdrop remains broadly constructive, supported by resilient US growth, moderating inflation and continued investment in AI-related infrastructure. However, geopolitical risks remain elevated, including lingering Middle East tensions, ongoing US-China strategic competition, trade policy uncertainty and the war in Ukraine. The Fund acknowledges that these factors may contribute to periodic episodes of market volatility looking ahead.

宏观经济环境整体仍然偏正面，这主要得益于美国经济增长保持韧性、通胀趋缓，以及对人工智能相关基础设施的持续投资。然而，地缘政治风险仍处于较高水平，包括持续的中东紧张局势、美中战略竞争、贸易政策不确定性以及乌克兰战争。展望未来，基金认为这些因素可能导致市场出现阶段性波动。

Latar belakang makroekonomi secara amnya kekal positif, disokong oleh pertumbuhan AS yang berdaya tahan, inflasi yang mengendur serta pelaburan berterusan dalam infrastruktur berkaitan AI. Namun begitu, risiko geopolitik kekal tinggi, termasuk ketegangan yang berpanjangan di Timur Tengah, persaingan strategik AS-China yang berterusan, ketidakpastian dasar perdagangan dan peperangan di Ukraine. Pasukan Dana mengakui bahawa faktor-faktor ini mungkin menyumbang kepada episod ketidaktentuan pasaran secara berkala pada masa hadapan.

Malaysia Equities/ 大马股市 / *Ekuiti Malaysia*

The US-Iran conflict has now persisted for more than six months, with tensions re-escalating following renewed US strikes on Iran and retaliatory attacks by Iran on US military bases in Jordan, Kuwait, and Bahrain. Closer to home, political developments are expected to remain in focus, as the Malacca State Legislative Assembly is likely to be dissolved soon, paving the way for state elections. As campaigning intensifies, investors may adopt a more cautious stance amid heightened political uncertainty. The election outcome will be closely watched for clues on the timing of Malaysia's 16th General Election, including the possibility of an earlier-than-expected national poll.

Attention will also turn to Budget 2027, scheduled to be tabled on 9 October 2026, which is expected to be highly people-friendly. Against this backdrop, we remain cautiously constructive on equities and view periods of market weakness as opportunities to accumulate fundamentally sound companies at attractive valuations.

美伊冲突已持续半年有余，随着美国再次对伊朗发动袭击，以及伊朗针对驻扎于约旦、科威特和巴林的美军基地发动报复性袭击，紧张局势再度升级。在国内方面，政局发展预计将继续受到关注，因为马六甲州立法议会很可能即将解散，为州选举铺路。随着竞选活动升温，在政治不确定性加剧的情况下，投资者可能会采取更为谨慎的立场。各方将密切关注选举结果，以获取有关马来西亚第16届全国大选时间安排的线索，包括全国大选可能早于预期举行。

市场的目光也将转向定于2026年10月9日提呈的2027年度财政预算案，预计该预算案将高度惠及民生。在此背景下，我们对股票市场维持审慎乐观的看法，并将市场走弱时期视为以具吸引力的估值增持基本面稳健的优质企业的机会。

Konflik antara AS dan Iran telah berpanjangan lebih enam bulan, dengan ketegangan kembali meruncing susulan serangan baharu AS ke atas Iran serta serangan balas oleh Iran ke atas pangkalan tentera AS di Jordan, Kuwait, dan Bahrain. Meninjau dalam negeri, perkembangan politik dijangka terus menjadi tumpuan sementelah Dewan Undangan Negeri Melaka berkemungkinan besar akan dibubarkan tidak lama lagi, sekali gus membuka jalan bagi pilihan raya negeri diadakan. Apabila kempen pilihan raya semakin rancak, para pelabur mungkin mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati susulan ketidaktentuan politik yang meningkat. Keputusan pilihan raya ini kelak diperhati dengan teliti bagi mendapatkan petunjuk mengenai tarikh Pilihan Raya Umum ke-16 Malaysia, termasuk kemungkinan pilihan raya peringkat kebangsaan diadakan lebih awal daripada jangkaan.

Tumpuan juga akan terarah kepada Belanjawan 2027 yang dijadualkan untuk dibentangkan pada 9 Oktober 2026, yang dijangka amat mesra rakyat. Berlatarbelakangkan situasi ini, kami kekal optimistik secara berhati-hati terhadap pasaran ekuiti dan menganggap tempoh kelemahan pasaran sebagai peluang untuk mengumpul saham syarikat berasas teguh pada penilaian yang menarik.

PRULink Managed Plus Fund

All data is as of 31 August 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年8月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Ogos 2026 melainkan jika dinyatakan

Malaysia Fixed Income/ 大马固定收入 / *Pendapatan Tetap Malaysia*

The Federal Reserve's July 2026 FOMC meeting minutes, released in August, pointed to a more hawkish stance as concerns over persistent inflation intensified. At the recent Jackson Hole symposium, Fed Chair Kevin Warsh signalled a departure from traditional forward guidance , emphasising that bringing inflation back towards the 2% target remains the central policy objective and indicating that further interest rate hikes remain a possibility. Reflecting the shift in market sentiment, investors currently price in a 54% to 58% probability of a 25bps hike at the upcoming September FOMC meeting. Meanwhile, the ongoing conflict involving Iran and the closure of the Strait of Hormuz has pushed crude oil prices above USD90 a barrel, raising concerns that higher energy costs could feed through to broader consumer prices and reinforce near-term inflationary pressures. Longer term, the market continues to face structural challenges from a growing supply-demand imbalance in the US Treasury market. US public debt surpassed USD40tn in August, while the fiscal deficit remained elevated at approximately 6% of GDP. Additional risks to the outlook include escalating tariff and trade tensions , persistent supply chain disruptions, China's structural deflationary pressures , and rising geoeconomic fragmentation.

BNM expects the economy to grow by 4%- 5% in 2026, supported by resilient domestic demand, stronger-than-expected export performance, robust E&E demand and sustained investment activity despite external headwinds. While elevated global commodity and energy prices amid ongoing Middle East tensions may exert some upward pressure on inflation, BNM expects the overall impact on both headline and core inflation to remain manageable, supported by domestic policy measures and stable demand conditions. Headline inflation is projected to average 1.5%- 2.5% in 2026. At its meeting on 3 September 2026, BNM removed the word "appropriate" from its assessment of the current monetary policy stance, instead stating that the stance is "consistent with the outlook of continued price stability and sustainable economic growth". This subtle change in language has been interpreted by some economists as a modest hawkish signal, potentially paving the way for a policy rate increase in early 2027.

Three auctions are expected in September 2026, reopening of 10-yr MGII 7/36, reopening of 7-yr MGS 4/33 and reopening of 30-yr MGII 1/56. While broad liquidity in the system remains ample, short-term interbank liquidity has shown signs of tightness. The outcome of these auctions is likely to be influenced by prevailing market sentiment from both local and foreign investors facing OPR normalisation risk. On the corporate front, demand is expected to stay resilient despite these factors, driven by ongoing institutional demand for bonds even though spreads are being compressed significantly.

美联储于8月发布的2026年7月联邦公开市场委员会（FOMC）会议纪要显示，随着市场对持续性通胀的担忧加剧，美联储立场进一步趋于鹰派。在近期的杰克逊霍尔（Jackson Hole）年会上，美联储主席凯文·沃什（Kevin Warsh）释放出偏离传统前瞻性指引的信号，强调将通胀率拉回2%的目标仍是货币政策的核心目标，并表示未来仍存在进一步加息的可能性。随着市场情绪转变，投资者目前预计即将召开的9月FOMC会议加息25个基点的概率为54%至58%。与此同时，涉及伊朗的持续冲突以及霍尔木兹海峡关闭，已推动原油价格突破每桶90美元，引发市场对能源成本上升可能向更广泛的消费价格传导、从而加剧短期通胀压力的担忧。长期来看，美国国债市场日益扩大的供需失衡仍构成结构性挑战。8月，美国公共债务总额突破40万亿美元，而财政赤字仍处于高位，约占国内生产总值（GDP）的6%。此外，前景面临的其他风险还包括关税与贸易紧张局势升级、供应链持续受扰、中国的结构性通缩压力，以及日益加剧的地缘经济碎片化。

马来西亚国家银行（BNM）预计，尽管面临外部不利因素，受韧性较强的国内需求、好于预期的出口表现、稳健的电子电气（E&E）产品需求以及持续的投资活动支撑，2026年经济将增长4%至5%。尽管中东局势持续紧张导致全球大宗商品及能源价格维持高位，可能对通胀构成一定的上行压力，但国行预计，在国内政策措施及需求状况保持稳定的支持下，上述因素对总体通胀和核心通胀的总体影响仍将处于可控范围。预计2026年总体通胀率平均为1.5%至2.5%。在2026年9月3日召开的会议上，国行在评估当前货币政策立场时删除了"适当"（appropriate）的表述，转而表示现行政策"与物价稳定及经济可持续增长一致"。这一措辞上的细微变化被部分经济学家解读为温和的偏鹰信号，可能为2027年初上调政策利率提供空间。

预计2026年9月将进行三场国债招标，分别为10年期大马政府投资票据（MGII）7/36、7年期大马政府债券（MGS）4/33、及30年期MGII 1/56的增额发行。尽管系统整体流动性依然充裕，但短期银行间流动性已出现收紧迹象。这些招标结果可能受到国内外投资者当前市场情绪的影响，尤其是在隔夜政策利率（OPR）正常化风险的影响下。企业债券方面，尽管利差正在大幅收窄，需求预计仍将保持韧性，主要得益于机构投资者对债券的持续需求。

Minit mesyuarat FOMC Federal Reserve bagi bulan Julai 2026 yang dikeluarkan pada bulan Ogos, menyerlahkan pendirian yang lebih tegas) memandangkan kebimbangan terhadap ketegangan inflasi semakin memuncak. Melalui simposium Jackson Hole baru-baru ini, Pengerusi Fed, Kevin Warsh, memberi isyarat tentang perubahan ke atas pendekatan panduan ke hadapan (forward guidance) yang lazim; beliau menegaskan bahawa usaha mengembalikan inflasi ke arah sasaran 2% kekal sebagai objektif dasar yang utama dan menyatakan bahawa kenaikan kadar faedah selanjutnya masih berkemungkinan. Mencerminkan perubahan sentimen pasaran, pelabur kini memfaktorhargakan kebarangkalian antara 54% hingga 58% kenaikan kadar sebanyak 25 mata asas dalam mesyuarat FOMC bulan September kelak. Sementara itu, kelangsungan konflik yang melibatkan Iran dan penutupan Selat Hormuz telah melonjakkan harga minyak mentah melebihi USD90 setong, sekali gus menimbulkan kebimbangan bahawa kos tenaga yang lebih tinggi boleh memberi kesan kepada harga pengguna secara lebih meluas dan memburukkan lagi ketegangan inflasi dalam jangka masa terdekat. Bagi jangka masa panjang, pasaran terus berdepan dengan cabaran struktur akibat ketidakseimbangan antara penawaran dan permintaan yang semakin ketara dalam pasaran Perbendaharaan AS. Hutang awam AS melangkau paras USD40 trilion pada bulan Ogos, manakala defisit fiskal kekal tinggi pada kadar kira-kira 6% daripada KDNK. Risiko tambahan terhadap prospek ekonomi termasuk ketegangan tarif dan perdagangan yang semakin memuncak, gangguan rantaian bekalan, tekanan deflasi struktur di China, serta peningkatan fragmentasi geoekonomi.

BNM menjangkakan ekonomi berkembang antara 4% hingga 5% bagi tahun 2026, disokong oleh daya tahan permintaan dalam negeri, prestasi eksport yang lebih mantap daripada jangkaan, keteguhan permintaan sektor elektrik dan elektronik (E&E) dan kerancakan aktiviti pelaburan meskipun berdepan dengan cabaran luaran. Sungguhpun harga komoditi dan tenaga global yang tinggi di tengah-tengah ketegangan yang berterusan di Timur Tengah mungkin menguatkan lagi tekanan ke atas peningkatan inflasi, namun BNM menjangkakan bahawa kesan keseluruhan terhadap kedua-dua inflasi keseluruhan dan inflasi teras masih terkawal, disokong oleh langkah-langkah dasar dalam negeri dan kestabilan permintaan.Inflasi keseluruhan diunjurkan pada purata 1.5% hingga 2.5% bagi tahun 2026. Menerusi mesyuarat pada 3 September 2026, BNM menggugurkan perkataan "wajar" daripada taksiran pendirian dasar monetari semasa, dan sebaliknya menyatakan bahawa pendirian tersebut "selaras dengan prospek kestabilan harga yang berterusan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan". Perubahan halus dari segi bahasa ini ditafsirkan oleh sesetengah ahli ekonomi sebagai isyarat tegas namun sederhana, yang berpotensi membuka jalan kepada kenaikan kadar dasar pada awal tahun 2027.

Tiga lelongan dijangkakan pada September 2026, iaitu pembukaan semula MGII 7/36 10 tahun, pembukaan semula MGS 4/33 7 tahun dan pembukaan semula MGII 1/56 30 tahun. Walaupun kecairan menyeluruh dalam sistem masih lebih dari mencukupi, namun kecairan antara bank jangka pendek telah menunjukkan tanda-tanda pengetatan. Hasil lelongan tersebut mungkin dipengaruhi oleh sentimen pasaran semasa dalam kalangan pelabur tempatan dan asing, yang berhadapan dengan risiko normalisasi OPR. Menyorot sektor korporat, permintaan dijangka tetap mampan walaupun dilingkari faktor-faktor tersebut, didorong oleh permintaan berterusan daripada pelabur institusi ke atas bon, meskipun margin spread semakin mengecil dengan ketara.

Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / *Tinjauan dan Strategi Dana*

The Fund returned 0.82% for the month, outperforming the benchmark return of 0.52% by 0.30%. Year-to-date, the Fund returned 3.50%, underperforming the benchmark return of 4.50% by 1.00%.

The Fund outperformed the benchmark for the month mainly due to stock selection within equity funds. The underlying local equity funds, PRULink Strategic Fund 1

outperformed the benchmark due to its selected holdings in industrial, financial, and real estate sectors. PRULink Strategic Fund 2 outperformed the benchmark due to its selected holdings in financial and industrial sectors and underweight position in selected material stock. For the underlying local fixed income fund, the underperformance was driven by higher yields across the curve. MGS yields rose by 6bps, 12bps, 15bps and 17bps across the 3-year, 5-year, 7-year, and 10-year tenures respectively in August.

For the underlying foreign equity fund, key TAA return contributors primarily included allocations to Korea equities , and EM equities, which benefited from a recovery in technology shares and easing geopolitical tensions. The Fund's broad tactical overweight to global equities contributed positively over the month .

The macroeconomic backdrop over the next three months remains moderately supportive for global equities. Still resilient US consumption, continued business investment and the ongoing capex cycle in AI infrastructure , power generation and grid modernisation should sustain earnings growth and limit near-term recession risk. Japan's nominal reflation and selective policy support across Asia provide additional opportunities , although China's property-sector challenges and an uneven regional recovery warrant some caution.

The Fund therefore retains a slightly positive tactical stance on global equities, while recognising that elevated valuations, demanding earnings expectations, uncertainty around the Federal Reserve and geopolitical risks leave markets vulnerable to intermittent volatility. Within equities, the Fund favours markets outside Europe and see continued earnings support in the US and selected emerging markets, particularly across technology hardware, power infrastructure and materials.

The Fund is constantly reassessing its views and investment strategy with any new fundamental developments. To this end, the Fund will continue to remain nimble, carefully adding risk in a measured manner as/when opportunities arise, while seeking diversification and making further tactical adjustments, as market conditions evolve.

While the regional market remains volatile amid geopolitical uncertainties, Malaysia is relatively well positioned given its resilient domestic economy despite growing talks on the potential upcoming Malaysian General Election. The Fund remains constructive on the market and continue to buy on dips on companies with earnings growth and to take profit on rebounds.

On the domestic credit market, sentiment remained cautious in August as global bond yields stayed elevated . US Treasury yields moved higher on concerns over sticky inflation, fiscal supply and the Fed's policy path , which spilled over into the local bond market. Heavy duration supply, coupled with competing supply from corporate issuances further amplified the losses in the month.

Domestic conditions remain supportive. Malaysia's economy expanded by 5.7% in 1H2026, driven by stronger export performance and sustained domestic demand, while headline and core inflation remained contained at 1.8% and 2.0% respectively for the first seven months of the year. BNM kept the OPR unchanged at 2.75% in September and signalled that growth remains resilient, supported by the external sector, stable labour market conditions and ongoing investment activity.

Overall, the Fund has turned slightly cautious. The sell- off has improved valuation , but near-term direction is still likely to be driven by US yields, Fed rhetoric and external risk sentiment. To note, supply of duration and corporate is still expected to be elevated in the coming few months, which continues to pressure the market. The Fund is keeping the portfolio cautious and flexible, while maintaining preference for the belly of the curve where carry and roll-down remain more attractive. The Fund looks to add duration selectively if yields cheapen further, but do not see the need to turn aggressively long at this stage.

As at end-August 2026, the Fund has 62.2% in equity and 37.6% in bond (versus neutral position of 60:40 equity:bond). The Fund maintained an overweight allocation to global equities, albeit at a reduced level. While the medium-term outlook on global equities remains constructive, supported by resilient US growth and robust earnings, higher global bond yields could temper investor sentiment in the near term.

此基金月内回酬为0.82%，超越0.52%的基准回酬0.30%。年初至今，基金回酬为3.50%，较基准回酬4.50%逊色1.00%。

此基金月内表现跑赢基准，主要归功于股票型基金的选股表现。所投资的本地股票型基金PRULink Strategic基金1表现超越基准，受益于在工业、金融及房地产板块的精选持仓；PRULink Strategic基金2 跑赢基准，归功于其在金融及工业板块的精选持仓，以及对特定原材料类股票的低配仓位。所投资的本地固定收益基金跑输基准，主要由于收益率曲线整体上行。8月份，3年期、5年期、7年期和10年期马来西亚政府证券（MGS）收益率分别上升6个基点、12个基点、15个基点及17个基点。

就所投资的海外股票基金而言，战术资产配置（TAA）回报的主要贡献来源包括韩国股票及新兴市场股票的配置，这些市场受益于科技股回升及地缘政治紧张局势缓和。此基金整体战术性超配全球股票，也为月内表现作出了正面贡献。

未来3个月的宏观经济背景仍将对全球股市提供温和支撑。美国消费依然保持韧性，企业投资持续进行，加上人工智能（AI）基础设施、发电及电网现代化领域的资本支出周期持续，应得以支撑盈利增长，并限制近期的衰退风险。日本名义经济再通胀以及亚洲各地有针对性的政策支持带来了额外机遇，不过，中国房地产行业面临的挑战以及区域复苏不均衡，仍是需要关注的因素。

因此，此基金对全球股票维持略偏积极的战术性立场，同时也意识到高企的估值、较高的盈利预期、美联储相关的不确定性以及地缘政治风险，使市场容易出现阶段性波动。在股票配置方面，此基金偏好欧洲以外的市场，并认为美国及部分新兴市场将持续获得盈利支撑，尤其是在科技硬件、电力基础设施和原材料领域。

此基金将持续根据新的基本面发展重新评估投资观点和策略。因此，基金将继续保持灵活应变，在机会出现时以审慎、有序的方式逐步增加风险敞口，同时寻求投资组合多元化，并随着市场环境变化进行进一步的战术调整。

尽管地缘政治不确定性持续，区域市场仍然波动，但马来西亚凭借韧性较强的国内经济，整体处于相对有利的位置，市场对即将举行的大选的讨论亦日益升温。基金仍谨慎看好市场，并继续逢低买入盈利增长的公司，同时在市场反弹时获利了结。

8月份，随着全球债券收益率维持在高位，国内信贷市场情绪持续谨慎。由于市场担忧通胀继续高企、财政融资供应以及美联储的政策走向，美国国债收益率上升，并对本地债券市场产生溢出影响。大量久期债券供应，加上企业发行债券带来的竞争性供应，进一步扩大了月内的亏损。

国内经济基本面持续提供支持。2026年上半年，马来西亚经济增长5.7%，主要受出口表现改善及内需持续增长所带动；今年首7个月，整体通胀率及核心通胀率分别维持在1.8%及2.0%的受控水平。马来西亚国家银行（BNM）于9月份维持隔夜政策利率（OPR）在2.75%不变，并表示经济增长仍具韧性，主要受到外部领域、稳定的劳动力市场状况以及持续的投资活动支持。

总体而言，本基金的立场已略趋谨慎。市场抛售改善了估值，但短期市场走势仍可能受到美国国债收益率、美联储官员的政策言论以及外部风险情绪所主导。值得注意的是，未来几个月久期债券及企业债券的供应预计仍将处于高位，继续对市场构成压力。本基金维持审慎且灵活的投资组合，同时继续偏好收益率曲线中段，因为该部分的持有收益（carry）及滚动收益（rolldown）仍较具吸引力。若收益率进一步走高，本基金将择机增加久期，但现阶段暂无必要大幅转为长久期配置。

PRULink Managed Plus Fund

All data is as of 31 August 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年8月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Ogos 2026 melainkan jika dinyatakan

截至2026年8月底，此基金的股票投资占比为62.2%，债券投资占比为37.6%（相较于60:40的股票与债券中性配置）。基金仍维持全球股票的超配配置，但超配幅度有所收窄。尽管美国经济增长保持韧性及企业盈利表现强劲，全球股票的中期前景仍然偏正面，但全球债券收益率上升可能在短期内打压投资者情绪。

Dana menyampaikan pulangan 0.82% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 0.52% dengan margin 0.30%. Bagi tempoh dari awal tahun hingga kini, Dana memulangkan 3.50%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 4.50% dengan kekurangan 1.00%.

Dana yang mengatasi pencapaian penanda aras pada bulan ini, disumbangkan terutamanya oleh pemilihan stok dalam dana ekuiti. Pendasar dana ekuiti tempatan iaitu PRULink Strategic Fund 1 mengatasi prestasi penanda aras hasil daripada pemilihan pegangannya dalam sektor perindustrian, kewangan dan hartanah. PRULink Strategic Fund 2 pula mengatasi pulangan penanda aras berikutan pemilihan pegangan dalam sektor kewangan dan perindustrian serta kedudukan kurangan berat dalam stok bahan terpilih. Meninjau pendasar dana pendapatan tetap tempatan, prestasinya yang tidak mengatasi penanda aras berpunca daripada peningkatan hasil merentas keluk hasil. Hasil MGS masing-masing meningkat sebanyak 6 mata asas, 12 mata asas, 15 mata asas dan 17 mata asas bagi tempoh matang 3 tahun, 5 tahun, 7 tahun dan 10 tahun pada bulan Ogos.

Meninjau pendasar dana ekuiti asing, penyumbang utama kepada pulangan TAA adalah peruntukan dalam ekuiti Korea dan ekuiti pasaran sedang pesat membangun (EM), yang mendapat manfaat daripada pemulihan saham teknologi serta pengenduran ketegangan geopolitik. Pendekatan taktikal Dana yang mengekalkan pendedahan lebihan berat secara meluas dalam ekuiti global telah menyumbang secara positif pada bulan ini.

Latar belakang makroekonomi sepanjang tiga bulan mendatang tetap menyokong ekuiti global secara sederhana. Penggunaan AS yang masih mampan, kesinambungan pelaburan perniagaan dan kitaran capex dalam infrastruktur AI yang berterusan, penjanaan kuasa dan pemodenan grid sepatutnya mengekalkan pertumbuhan pendapatan dan mengehadkan risiko kemelesetan jangka pendek. Reflasi nominal Jepun dan sokongan dasar terpilih di seluruh Asia menyediakan peluang tambahan, walaupun cabaran sektor hartanah China dan pemulihan serantau yang tidak sekata memerlukan perhatian.

Oleh itu, Dana mengekalkan pendirian taktikal yang sedikit positif ke atas ekuiti global, sambil mengakui bahawa penilaian yang tinggi, jangkaan pendapatan yang mencabar, ketidakpastian mengenai Rizab Persekutuan dan risiko geopolitik menjadikan pasaran terdedah kepada ketidaktentuan sekali-sekala. Dalam segmen ekuiti, Dana lebih mengutamakan pasaran di luar Eropah dan menjangkakan sokongan pendapatan berterusan di AS serta pasaran sedang pesat membangun terpilih, khususnya dalam sektor perkakasan teknologi, infrastruktur tenaga dan bahan.

Dana sentiasa menilai semula pandangan dan strategi pelaburannya selaras dengan sebarang perkembangan asas yang baharu. Sehubungan itu, Dana akan terus kekal tangkas, menambah risiko secara berhati-hati dan terkawal apabila peluang muncul, di samping mengutamakan kepelbagaian dan melakukan pelarasan taktikal selanjutnya seiring perubahan keadaan pasaran.

Sementara pasaran serantau kekal tidak menentu di tengah-tengah ketidakpastian geopolitik, kedudukan Malaysia didapati baik memandangkan daya tahan ekonomi domestiknya, walaupun perbincangan semakin hangat tentang kemungkinan Pilihan Raya Umum Malaysia akan datang. Dana kekal optimistik terhadap pasaran dan terus membeli saham syarikat yang menunjukkan pertumbuhan pendapatan dan kemudian mengaut keuntungan sebaik harganya melambung semula.

Menyorot pasaran kredit domestik, sentimen kekal berhati-hati pada bulan Ogos memandangkan hasil bon global masih tinggi. Hasil Perbendaharaan AS meningkat akibat kebimbangan mengenai inflasi yang tegang, bekalan fiskal, dan hala tuju dasar Rizab Persekutuan (Fed), lalu turut memberi kesan kepada pasaran bon tempatan. Bekalan instrumen berdurasi panjang yang banyak, ditambah pula dengan persaingan bekalan daripada terbitan korporat memburukkan lagi penyusutan nilai pasaran pada bulan ini.

Keadaan domestik tetap menyokong. Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.7% pada 1H2026, didorong oleh prestasi eksport yang lebih kukuh dan permintaan domestik yang mampan, sementara inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal terkawal pada paras masing-masing iaitu +1.8% dan 2.0% bagi tujuh bulan pertama tahun tersebut. BNM mengekalkan OPR 2.75% pada bulan September dan memberi isyarat bahawa pertumbuhan terus mampan, disokong oleh sektor luaran, kestabilan pasaran buruh, dan kerancakan aktiviti pelaburan.

Secara keseluruhan, pasukan Dana kini mengambil pendirian yang sedikit berhati-hati. Aktiviti penjualan besar-besaran telah memperbaiki penilaian, namun hala tuju jangka masa terdekat mungkin masih akan dipengaruhi oleh pergerakan hasil bon AS, kenyataan Fed, dan sentimen risiko luaran. Perlu diambil perhatian bahawa bekalan instrumen berdurasi panjang dan korporat dijangka cukup banyak dalam beberapa bulan akan datang, lalu terus menekan pasaran. Pasukan Dana mengekalkan pendekatan portfolio yang berhati-hati dan fleksibel, sambil mengutamakan bahagian tengah keluk hasil yang mana strategi pulangan membawa dan penurunan keluk hasil ('carry and roll-down') tetap lebih menarik. Pihak Dana bercadang untuk menambah tempoh matang (durasi) secara selektif sekiranya hasil bon menjadi lebih murah, namun tidak melihat keperluan untuk mengambil kedudukan 'long' secara agresif pada peringkat ini.

Setakat akhir Ogos 2026, Dana memegang 62.2% dalam ekuiti dan 37.6% dalam bon (berbanding kedudukan neutral 60:40 bagi ekuiti:bon). Dana mengekalkan peruntukan lebihan pegangan dalam ekuiti global, walaupun pada tahap yang lebih rendah. Meskipun prospek jangka sederhana bagi ekuiti global kekal positif—disokong oleh pertumbuhan AS yang mampan dan prestasi pendapatan yang kukuh—hasil bon global yang lebih tinggi mungkin meredakan sentimen pelabur dalam tempoh terdekat.

Source / 资料来源 / *Sumber*: Fund Commentary, August 2026, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.
Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail. The fund fact sheet of the Target Fund will be available at www .prudential.com.my.

任何投资皆涉及投资风险,包括本金的损失. 单位的价值可能会扬升也会走低. 基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标. 上述所示的回酬并不反映您投资的真实回酬(后者取决于您的保费分配率与费用). 您所投资的保费的真实回酬将根据有关投资联结基金的表现而定. 保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品. 您保费投资的真实回酬可能会低于上述回酬. 本册子只供说明之用。欲进一步了解条规与细则，请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子. 如果本说明书的资料与保单文件有所出入, 将以保单文件者为准.若说明书的英文. 马来文和中文版有差异则以英文版为准. 有关目标基金的基 金说明书,请浏览 www.prudential.com.my.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad. Lembaran Fakta Dana untuk Dana Sasaran akan tersedia di www.prudential.com.my

PRULink Managed Plus Fund

All data is as of 31 August 2026 unless otherwise stated
除非另有说明，否则以下皆属截于2026年8月31日的数据
Semua data seperti pada 31 Ogos 2026 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL
Listening. Understanding. Delivering.

Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)
Level 20, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur. Tel: 03-2778 3888
Email: customer.mys@prudential.com.my Website: www.prudential.com.my